

## KENYATAAN AKHBAR

### **“NOTES OF UNDERSTANDING” (NOU) AKADEMI BINAAN MALAYSIA (WILAYAH UTARA) DAN “NAKHONPATHOM CITY MUNICIPALITY VOCATIONAL COLLEGE, THAILAND”, KUKUHKAN HUBUNGAN BAIK TVET ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND**

**Langkawi, 29 April 2019** – Bagi mengukuhkan kerjasama dalam sektor kemahiran dan vokasional dari segi pendidikan, latihan, inovasi dan penyelidikan dengan negara luar, Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Utara telah menandatangani *Note of Understanding (NOU)* bersama *Nakhonpathom City Municipality Vocational College*, Thailand.

Nota persefahaman telah ditandatangani oleh En. Mohd Nazri Bin Hj. Zakaria selaku Ketua Pegawai Operasi Akademi Binaan Malaysia (Wilayah Utara) bersama En. Rustapon Laitananont, Timbalan Pengarah *Nakhonpathom City Municipality Vocational College*. Melalui *NOU* ini kedua-dua pihak telah bersetuju ingin meningkatkan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand secara langsung dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) antara kedua-dua negara.

Upacara yang bersejarah ini disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia iaitu, YBhg. Dato’ Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid. Dalam ucapannya, beliau telah menjelaskan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) telah melahirkan ramai tenaga kerja yang bergraduan yang mempunyai kemahiran tinggi. Pelaksanaan TVET mampu melahirkan tenaga kerja kompeten yang diperlukan oleh industri dan seterusnya meningkatkan kualiti dan produktiviti industry pembinaan.

## HIGHLIGHTS :

“NOTES OF UNDERSTANDING” (NOU) ANTARA AKADEMI BINAAN MALAYSIA (WILAYAH UTARA)  
DAN “NAKHONPATHOM CITY MUNICIPALITY VOCATIONAL COLLEGE, THAILAND” - 29 APRIL 2019



Diterbitkan oleh **Bahagian Korporat Komunikasi CIDB Holdings,**

Tingkat 22, Menara Dato Onn, PWTC, No 45 Jln Tun Ismail , 50480 Kuala Lumpur

Tel : +603-4042 880 Fax : +603-4042 2880 Email : corpcomm@cidbholdings.com.my